
[BIL. 14 JAN 2019](#)

UMP rai staf tamat pengajian dan pesara

Universiti Malaysia Pahang (UMP) meraikan seramai 28 staf dan felo yang berjaya menamatkan pengajian tahun 2018 dalam Majlis Apresiasi Staf dan Felo Tamat Pengajian pada 19 Disember 2018 yang lalu di Dewan UMP Pekan.

Majlis juga turut meraikan staf yang telah mencurahkan khidmat bakti kepada universiti hingga ke saat persara.

Majlis ini merupakan sebahagian inisiatif dan komitmen pihak pengurusan untuk konsisten mendekati staf dan pesara UMP dengan semangat kekeluargaan.

Selain itu juga ia sebagai tanda penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga daripada universiti kepada staf dan felo yang telah mencurahkan khidmat bakti dan pengorbanan yang dicurahkan dengan penuh dedikasi, sekali gus banyak membantu ke arah kecemerlangan universiti.

Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Sri Dr. Daing Nasir Ibrahim juga merakamkan penghargaan tahniah kepada staf dan felo yang berjaya menamatkan pengajian itu dalam tempoh yang ditetapkan dan mengharapkan agar mereka dapat terus berprestasi ke arah kecemerlangan Universiti.

"Kini bilangan pensyarah yang berkelulusan Doktor Falsafah (PhD) di UMP telah mencapai 69.9 peratus dan ia mempunyai impak kepada agenda kecemerlangan UMP ke arah merealisasikan Keunggulan Akademik dalam Pelan Strategik UMP 2018-2022.

Sebagai tanda ingatan dan penghargaan UMP juga memperkenalkan Kad Korporat Alumni UMP untuk membolehkan staf dan felo menikmati perkhidmatan dan kemudahan yang ditawarkan di Perpustakaan, Bahagian Keselamatan, Pusat Kesihatan dan Pusat Penyelidikan.

serta beberapa pusat tanggungjawab UMP.

Kemudahan ini akan melahirkan rasa kebersamaan (sense of belonging) untuk tetap bersama universiti.

Hadir sama dalam majlis Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Ir. Dr. Wan A (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato' Dr. Mashitah Mohd Yusoff, Timbalan Naib Canselor (Hal Eh Yuserrie Zainuddin dan Ketua Pegawai Operasi merangkap Pendaftar, Abd. Hamid Majid.

Kerusi khas GRIT *Chair* buat adik Muhammad

Jelas terpancar kegembiraan pada wajah Muhammad Amirul Fikri Mohamad Fazir yang merupakan mu Shahbandar Pekan (SKIS) apabila menerima kerusi khas dinamakan GRIT *Chair* yang dihasilkan oleh m Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM), Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 8 Januari 2019 yang lalu.

Muhammad Amirul menghidap penyakit *Achondroplasia* sejak kecil yang melibatkan gangguan ge menganggu perkembangan pembesarannya berbanding kanak-kanak lain yang seusia dengannya.

Ayahnya, Mohammad Fazir Osman berkata, sebagai ketua keluarga beliau amat berbesar hati dan berte kerana menghasilkan kerusi yang bersesuaian dengan keadaan Amirul.

“Dengan kerusi ini dapat memberi keselesaan kepada Amirul di dalam kelas seperti rakan-rakannya yang la

“Saya sangat menghargai sokongan dan bantuan guru yang banyak mengambil berat tentang Amirul.

“Sebelum ini sememangnya pihak guru telah mengubah suai meja untuk kegunaan Amirul, namun ada berbanding meja lain,” katanya.

Tambah beliau lagi, dengan menggunakan GRIT *Chair*, Muhammad Amirul Fikri kini dapat duduk selaras meja di kelas.

“Selain itu juga ianya lebih selesa kerana terdapat tempat pemijak untuk duduk di atas kerusi tersebut, kata Amirul di sekolah,” katanya.

Hadir sama Ketua Program, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal sebagai penasihat, Dr. Daing Mohamad Nafiz, Muhammad Hadi Hassan, Guru Penolong Kanan (Pentadbiran) Sekolah Kebangsaan Indera Shahbandar dan beberapa orang pendidik khas SKIS.

Dalam pada itu, Dr. Daing Mohamad Nafiz berkata, idea ini bermula dengan perbincangan melibatkan pihak guru untuk memikirkan cara untuk membantu adik Amirul yang menghadapi kesukaran menggunakan meja dan kerusi seperti pelajar lain.

Ujarnya, dalam tempoh dua bulan GRIT *Chair* berjaya disiapkan oleh empat pelajar iaitu Muhammad Syakir, Isyraf Hadi Mohamad Rozulan dan Muhammad Syazwan Sahimi.

“Kerusi ini juga direka dengan menggunakan gabungan kayu dan besi tahan karat. Ia menggunakan konsep ergonomik untuk melaraskan ketinggian kerusi mengikut keperluan pengguna. Kerusi ini juga turut menekankan faktor keselamatan,” katanya.

“Kita jangkakan kerusi ini boleh digunakan oleh Amirul sehingga berusia 12 tahun atau kebarangkalian lebih lama,” katanya.

“Selain itu saya mengucapkan tahniah kepada pelajar yang telah menyiapkan GRIT *Chair*, saya berharap bidang Kejuruteraan di dalam kelas malah turut menyumbang tenaga kepada masyarakat yang memerlukan.”

Manakala Nor Yanti Mohd Radzuan amat berbangga dengan kerjasama ini yang banyak memberi manfaat kepada pelajar. Beliau berharap lebih banyak kerjasama dapat dijalankan untuk manfaat para pelajar.

Bengkel Bahasa Inggeris bantu pelajar progra

Oleh: HAJAH NOOR AZLINDA ZAINAL ABIDIN, PUSAT BAHASA MODEN & SAINS KEMANUSIAAN

Penganjuran *Dual Language Programme (DLP) Enrichment Workshop* yang dijalankan Pusat Bahasa Moden & Sains Universiti Malaysia Pahang bersempena dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Akademik dan Antarabangsa (JHEAA), Universiti Malaysia Pahang pada 15 Februari 2023, bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar sekolah mampu memberi pendedahan kepada pelajar untuk menguasai subjek Matematik dan Sains di peringkat sekolah terpilih.

UMP dan pihak sekolah mengambil inisiatif mengadakan bengkel membabitkan seramai 43 orang pelajar dari Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Pekan dan Sekolah Kluster Kecemerlangan (SKK) Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Seri Pekan memberi peluang kepada pelajar meningkatkan pemahaman penggunaan bahasa Inggeris dalam pembelajaran di peringkat sekolah.

Menurut Guru Bahasa PBMSK yang juga mentor SMK Seri Pekan, Hajah Noor Azlinda Zainal Abidin, bengkel ini memberi suntikan semangat dan keyakinan serta kesedaran kepentingan bahasa Inggeris dalam pembelajaran. Beliau berharap bengkel ini dapat dilaksanakan di sekolah lain.

“Ini menjadikan mereka lebih berazam dan bermotivasi untuk meningkatkan diri dalam kemahiran bahasa Inggeris.”

“Setiap pelajar ditugaskan dalam kerja kumpulan dan mereka perlu menyiapkan laporan tugas dan berhadapan dengan kumpulan dengan menggunakan konsep ‘*Pecha Kucha Style*’ yang lebih menarik dan interaktif. Program ini dijalankan oleh Puan Aisyah Hanum sebagai fasilitator dan Puan Aisyah Hanum yang juga dari Jabatan Bahasa Inggeris, PBMSK,” katanya.

Bagi guru sekolah, Aishah Hanum Abu Bakar berkata, peluang masuk ke kampus UMP dapat menarik minat pelajar-pelajar yang berminat untuk melanjutkan pelajaran ke UMP. “Kita berharap program ini dapat berjaya sampai ke menara gading.

“Malahan dapat menggunakan kemudahan lain termasuk makmal bahasa Inggeris yang amat mengagumkan untuk meningkatkan kecekapan dalam berbahasa Inggeris.

Lebih menarik pelajar ini turut berpeluang berkunjung ke Makmal Berpusat UMP dan menyaksikan bagaimana makmal yang mempunyai peralatan yang canggih dan yang lebih membanggakan lagi staf di Makmal Pusat UMP. “Program ini berjaya mewujudkan persekitaran bahasa Inggeris bagi para pelajar terlibat,” katanya.

Program bagi tahun 2019 bakal dirancang dan diperkembangkan lagi bagi memberi manfaat kepada sekolah-sekolah di kawasan ini. “Kita berharap program ini dapat berjaya melahirkan satu kolaborasi serta hubungan yang mantap antara UMP dan sekolah kluster di bawah

- 76 views

[View PDF](#)

Newsletter Image

CREATE

e-newsletter



Universiti
Malaysia
PAHANG
Engineering • Technology • Creativity

Universiti Teknologi Bertaraf Dunia

